Pendahuluan kajian;

Kewajipan Penting

yang Tidak Boleh Diabaikan oleh Seorang Muslim dari Masyarakat Awam

Segala puji bagi Allah yang mengutus kita dari kalangan hamba yang lain untuk membawa panji tauhid, dan semoga rahmat dan salam dilimpahkan kepada makhluk yang terbaik, yang mempunyai pandangan yang lurus dan manhaj yang benar, dan kepada keluarganya, sahabat-sahabatnya, dan orang-orang yang mengikutinya dengan kebaikan. Adapun selanjutnya;

Ketahuilah, semoga Allah جل في علاه memberikan rahmat-Nya kepadamu, bahwa dari Anugerah Allah سبحانه وتعالى kepada kita orang-orang di perbatasan, adalah Dia telah memberikan kebaikan kepada kita dengan menunjuki kita ke jalan ini dan memilih kita untuk secara terang-terangan menyatakan tauhid dan untuk membawa hamba-hamba keluar dari penyembahan terhadap yang lain kepada menyembah Allah سبحانه وتعالى sahaja, menyelamatkan mereka dari kekotoran kekafiran, kefasikan, dan keras kepala, kemudian [memilih kita untuk mentadbir] urusan politik negara dan masyarakat mengikut hukum Syari'ah yang murni, sebagaimana para nabi mentadbir para mu'min.

At-Tabari meriwayatkan dalam bukunya, 'Tareekh al-Rusul wal Muluk', bahawa Rib'i bin Aamer, (semoga Allah meridhainya), berkata kepada Rustam [pemimpin orang Persia], ketika dia bertanya kepadanya, apa yang telah kamu bawa? Dia berkata:
"Allah telah mengutus kami untuk mengambil sesiapa sahaja yang Dia kehendaki jauh dari penyembahan hamba-hamba kepada penyembahan Allah, dari kesempitan dunia kepada keluasannya, dari penindasan agama-agama kepada keadilan Islam.
Dia mengutus kami dengan agama-Nya kepada ciptaan-Nya untuk menyeru mereka kepada-Nya. Barangsiapa menerimanya maka kami akan menerimanya darinya dan kami tinggalkan urusannya sendiri, dan barangsiapa menolak, kami akan memeranginya sehingga kami kembali kepada janji Allah..

Oleh itu, adalah wajib bagi kita untuk berusaha sebaik mungkin dan menggunakan yang terbaik, agar dunia ini ditadbir dan dimenangkan dengan Hukum-hukum Allah dengan keadilan, yang merupakan tembok pembenteng Islam yang tidak dapat ditembusi.

Sa'eed Bin Suwaid memberikan khutbah di Homs dan dia berkata setelah Memuji Allah dan Memuliakan-Nya, "Wahai kaumku, sesungguhnya Islam memiliki tembok yang tahan dan pintu yang kukuh. Tembok Islam adalah kebenaran dan pintunya adalah keadilan. Islam terus diperkuat selama sultan tetap teguh. Dan keteguhan sultan bukanlah dengan pukulan pedang dan bukan dengan sebatan, tetapi dengan cara memerintah dengan kebenaran dan keadilan."

Allah سبحانه وتعالى berfirman:

{وَإِنْ حَكَمْتَ فَاحْكُمْ بَيْنَهُمْ بِالْقِسْطِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ} [المائدة: 42]

{Dan jika kamu memutuskan perkara di antara mereka, hendaklah kamu melakukannya dengan adil. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku adil.} [Al-Maidah: 42]

Diriwayatkan dari Abdullah Ibni Amri ibni Al' 'Ass (رضي الله عنه), dia berkata bahawa Nabi صلى الله عليه وسلم bersabda: "Mereka yang berlaku adil akan bersama Allah di atas mimbar-mimbar cahaya di tangan kanan yang Maha Pengasih, dan kedua tangan-Nya adalah kanan. Mereka adalah orang-orang yang adil dalam hukumannya terhadap kaumnya dan apa yang berada di bawah tanggungjawab mereka." [Muslim]

Dan ketika Allah عـز وجـل memberikan kepada kita nikmat-Nya dengan menunjuki kita kepada Islam, yang merupakan penutup syari'at-syari'at (terdahulu) dan yang terbaik di antaranya, dan mengutus kepada kita Rasul yang terbaik yang merupakan penutup para Rasul, dan mengutus kepada kita (kitab) yang paling sempurna dari Kitab-Kitab Nya yang mulia, dan Dia menjadikan ketundukan dan kepatuhan kepada syariat-Nya serta ketaatan kepada-Nya sebagai sarana penerimaan dari-Nya, dan sebagai sarana untuk mencapai Keridhaan-Nya, jadi oleh kerana itu, sesiapa yang tidak tunduk kepada Allah dan tidak patuh kepada-Nya dengan ketaatan dan tidak membebaskan dirinya dari Syirik bukanlah seorang Muslim.
Umum diketahui bahawa Mengagungkan Allah جل في علاه dan membesarkan-Nya memerlukan seseorang untuk mengagungkan undang-undang-Nya dan teks-teks Syari'ah dari al-Quran dan Sunnah. Pengagungan dan Pemuliaan Allah ini mempunyai tanda-tanda dan petunjuk, dan sesiapa yang kehilangan mereka berada dalam bahaya yang besar. Antara tanda-tanda Memuliakan dan Membesarkan undang-undang Allah dan Syari'ah-Nya yang Dia turunkan kepada Nabi صلى الله عليه وسلم adalah seperti berikut:

Yang pertama: Tidak memilih atau berunding dengan orang lain ketika menerima undang-undang Allah عـز وجـل, tetapi tunduk dengan sepenuhnya dan dengan mutlak tanpa keraguan atau syak wasangka. Allah تعالى berfirman, {Tidaklah patut bagi lelaki yang beriman atau wanita yang beriman apabila Allah dan Rasul-Nya telah memutuskan sesuatu perkara, kemudian mereka mempunyai pilihan mengenai urusan mereka setelah itu. Dan sesiapa yang menderhakai Allah dan Rasul-Nya sesungguhnya telah sesat ke dalam kesesatan yang nyata.} [Ahzaab: 36].

Yang kedua: Tidak merasa berat apabila mendengar teks Syari'ah dan ini disahkan apabila ia dilaksanakan [dalam suatu perkara]. Allah تعالى berfirman;
{Maka, demi Tuhanmu, mereka tidak [benar-benar] beriman sebelum mereka menjadikan engkau [Wahai Muhammad], sebagai hakim dalam mana-mana perselisihan yang timbul di antara mereka, (sehingga) kemudian mereka pula tidak merasa di hati mereka sesuatu keberatan dari apa yang telah engkau putuskan dan mereka menerima keputusan itu dengan sepenuhnya.} [Nisa:65].
Ini membuktikan kewajiban untuk patuh dan tunduk kepada perintah Allah, secara lahiriah dan juga batiniah, dengan sepenuh hati dan dengan ketenangan hati.

Yang ketiga: Tidak begitu mencari hikmah sesuatu perkara atau mencari tahu dengan mendalam, kerana sifat-sifat ini menafikan kamal at-tasleem [ketundukan yang sempurna] dan inqiyad [kepatuhan] kepada Allah. Sebaliknya, jika seseorang terus-menerus melakukannya, ia akan menyebabkan dia menolak beberapa perintah Syari'ah kecuali jika dia mengetahui hikmahnya. Oleh karena itu, adalah wajib bagi seorang Muslim untuk memegang dan menghormati kedudukan Syari'ah.
Allah Ta'ala berfirman: {Dia (Allah) tidak ditanya tentang apa yang Dia lakukan, tetapi merekalah yang akan ditanya.} [Anbiyaa: 23].

Yang keempat: Merasa marah atas nama Allah jika kesucian/hukum-Nya dilanggar dan berusaha untuk mengubahnya sebanyak yang ia mampu.

Telah dilaporkan dalam Bukhari, [semoga Allah merahmatinya], dari 'Aisha, [semoga Allah meridhainya], beliau berkata,
"Setiap kali Rasulullah (صلى الله عليه وسلم) diberikan pilihan antara dua perkara, beliau (selalu) memilih yang lebih mudah selama itu tidak berdosa untuk dilakukan; tetapi jika itu berdosa, beliau sangat tegas untuk menghindarinya. Beliau tidak pernah membalas dendam atas dirinya sendiri; tetapi ketika kesucian/hukum-hukum Allah dilanggar, beliau akan membalas dendam atas nama Allah."

Oleh kerana itu, ketika seseorang memiliki semangat terhadap kesucian/hukum-hukum Allah dan bersegera untuk memperingatkan tentangnya, dan memperbaiki manusia, maka itu adalah bukti dari pengagungannya terhadap nusus Syari'ah [iaitu Quran dan Sunnah], dan merupakan bukti dari pemeliharaan batas-batasnya dan penghormatan terhadapnya.

Kelima: Seseorang mestilah menahan diri dari berbicara perkara yang dia tiada ilmu tentangnya, dan berhati-hati untuk melibatkan diri dalam urusan berkenaan hal tersebut, dan dia sepatutnya [mengikuti] ayat Allah سبحانه وتعالى, {Dan janganlah engkau mengikuti sesuatu yang engkau tidak mempunyai pengetahuan tentangnya. Kerana pendengaran, penglihatan dan hati, semua itu akan diminta pertanggungjawabannya.} [Al-Isra, 17:36].

Maka melibatkan diri dalam perbincangan berkenaan Firman Allah dan RasulNya tanpa mempunyai pemahaman tentangnya atau bertanya berkenaannya, adalah seperti bercakap tentang Allah tanpa ilmu, yang mana adalah dosa besar, tambahan pula akan menyebabkan kerosakan dan menyesatkan manusia.

Keenam: Untuk memuliakan dan menghormati pewaris para nabi; iaitu para 'ulama, yang memikul agama, para qadhi/ hakim dan mufti-muftinya. Dengan menghormati mereka, Syari'ah terpelihara, perintahnya tersebar, bilangan Ahlus Sunnah bertambah, ummah bersatu dan ucapan kaum Muslimin menjadi satu. Dengan menghormati mereka, kekuatan manusia yang ingkar akan melemah, umat awam diperintah dengan ucapan-ucapan 'ulama, dan kaum Muslimin taat kepada agama mereka apabila diuji, apabila hal-hal menjadi gelap dan samar. Sesungguhnya, ilmu dan 'ulama mempunyai status yang tinggi di dalam agama yang mana tidak boleh diperselisihkan, dan mempunyai kemuliaan dan rahmat yang luar biasa. Sesungguhnya teks-teks Syari'ah menyokong dan memperkukuhkan status mereka yang mulia dan menerangkan posisi kemuliaan mereka, kerana mereka adalah termasuk daripada para saksi Allah di dalam perkara yang hebat yang pernah disaksikan, iaitu Tauhid kepada Allah, seperti Allah T'alaa berfirman:

{شَهِدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ وَالْمَلَائِكَةُ وَأُولُو الْعِلْمِ قَائِمًا بِالْقِسْطِ لَا إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ} [آل عمران:18]،

"Allah menyatakan bahwa tidak ada tuhan yang berhak disembah selain Dia; (demikian pula) para Malaikat dan orang berilmu yang menegakkan keadilan, tidak ada tuhan yang berhak disembah selain Dia, Yang Maha Perkasa, Maha Bijaksana." [Ali Imran:18]

Dan Dia mewajibkan ketaatan kepada mereka [iaitu kepada para 'ulama] sebagaimana yang Dia firmankan, {Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu.} [An-Nisa:59].
Dan ianya telah disebutkan oleh sebahagian para Salaf yang Ulul-Amr ["orang-orang yang berkuasa"] adalah para 'ulama, manakala mufassirin pula menyebutkan bahawa mereka adalah kedua-dua para pemimpin yang berkuasa dan para 'ulama.

Dan terdapat banyak lagi teks-teks yang disebutkan di dalam Sunnah berkenaan dengan posisi mulia para 'ulama, kemuliaan dan ketinggian darjat mereka. Ianya telah, diriwayatkan oleh Abu Darda (رضي الله عنه), beliau berkata, Aku mendengar Rasulullah bersabda, "Seseorang yang mengikuti sebuah jalan dalam menuntut ilmu, Allah akan membuatkan jalan ke Jannah mudah untuknya. Para malaikat akan merendahkan sayap-sayap mereka menaungi penuntut ilmu, meredhainya dengan apa yang beliau lakukan. Para penghuni syurga dan dunia serta bahkan ikan di dasar lautan memohon keampunan untuknya. Kelebihan seorang yang berilmu berbanding seorang 'abid itu ibarat bulan penuh kepada bintang-bintang lain [dalam kecerahannya]. Orang yang berilmu adalah pewaris para anbiya yang mewasiatkan bukan dinar mahupun dirham, namun hanya ilmu; dan barangsiapa yang mendapatkannya, sesungguhnya telah mendapatkan keuntungan yang besar." [Abu Dawud dan At-Tirmidhi].

Kerana para 'ulama mempunyai status yang sebegitu, Syari'ah memuliakan mereka dan menganjurkan untuk menghormati mereka, seperti yang diriwayatkan oleh Ubadah ibn Samit - رضي الله عنه - yang Rasulullah bersabda, "Tidaklah termasuk dari kami mereka yang tidak menghormati orang tua kami dan merahmati orang muda kami serta mengetahui hak 'ulama kami." [Ahmad dan At-Tirmidhi].

Ibn Mubarak (رحمه الله) berkata, "Barangsiapa yang merendahkan 'ulama telah kehilangan akhiratnya dan barangsiapa yang merendahkan mereka yang berkuasa telah kehilangan dunianya dan barangsiapa yang merendahkan saudaranya telah kehilangan kelelakiannya."

Sesungguhnya ini adalah peringatan yang mana kami mengingatkan diri kami sendiri, kemudian saudara-saudara kami, yang Ta'ifah Mansurah [Golongan yang Menang] disokong dengan kemenangan dari Allah dan mereka tidak terkesan dengan kaum yang berpaling dari mereka ataupun yang menentang mereka, selagi mana mereka berpegang teguh kepada Kitab dan Sunnah, serta menghormati dan mengusung Syari'ah Allah, memberi keutamaan kepada Hukum-Hukum Allah walaupun ia menanggung beban yang berat kepada jiwa dan bertentangan dengan nafsu, dan [memberi keutamaan] walaupun seseorang berfikir ianya benar menurut logik dan akal, kerana kejayaan itu adalah dalam penerapan Syari'ah Al-Hanif yang sebenar.

Allah mengetahui apa yang ada di sebalik niat dan Dialah yang membimbing ke arah jalan yang lurus...

Nasir as-Sunnah al-Qurasyi -تقبله الله-

Safar 1447h